

PEMBENTUKAN KERANGKA MODEL PENGURUSAN HARTA LUQATAH: SATU ANALISIS PENDEKATAN BARU DALAM MENANGANI ISU-ISU HARTA YANG TIDAK DI TUNTUT DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (IPT)

**Zanirah Mustafa@Busu^{a*}, Nik Muniyati Nik Din^b, Nurul Hidayah Awang @ Ab
Rahman^c, Nurul Izzah Noor Zainan^d, Mohd Khairul Anuar Ismail^e, Noor Saliza Zainal^f,
Che Bakar Che Mat^g, Intan Nurul 'Ain Mohd Firdaus Kozako^h**

^{a,b,c,d,e,f,g}Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, 18500, Kelantan,
Malaysia.

^azanir126@uitm.edu.my

^bnikmuniyati@uitm.edu.my

^cnurul659@uitm.edu.my

^dnurulizzah@uitm.edu.my

^eanuar785@uitm.edu.my

^fsaliza351@uitm.edu.my

^gchebakar@uitm.edu.my

^hFaculty of Business and Management, Universiti Teknologi MARA, 18500, Kelantan, Malaysia.

^hintan866@uitm.edu.my

* Corresponding Author

Article info

Received:
12/03/2021
Received in revised form:
10/05/2021
Accepted:
15/05/2021
Available online:
15/06/2021

Keywords:
Luqatah;
Muamalat;
Pengurusan harta;
Perundangan Islam

Abstrak

Luqatah merupakan harta temuan atau harta yang hilang dari pemiliknya dan ditemui oleh orang lain. Ia juga ditakrifkan harta tanpa milik yang dihormati yang ditemui di sesuatu tempat yang tidak sepatutnya disimpan dan si penemunya tidak mengetahui orang yang berhak ke atas harta tersebut. Salah satu dari matlamat syariah (maqasid syariah) adalah menjaga harta terutama harta kepunyaan orang Islam dan harta temuan tidak boleh digunakan atau dimusnahkan begitu sahaja tanpa mematuhi kaedah pengurusan luqatah yang sebenar. Kajian ini memfokuskan kepada peranan yang dilaksanakan oleh Pusat Islam di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam mengendalikan harta luqatah. Skop kajian ini melibatkan staf dan pelajar di UiTM Cawangan Kelantan (UiTMCK). Antara kekangan yang dihadapi adalah tiada mekanisma tuntutan harta yang sistematik dan selaras. Selain itu, permasalahan yang dihadapi adalah tiada mekanisma bagi kaedah pengurusan dan pelupusan yang jelas. Oleh yang demikian, matlamat kajian ini adalah untuk memantapkan pengurusan harta luqatah, mengenalpasti kaedah bagi menyelesaikan masalah harta luqatah yang tidak dituntut dan cara pemulangan harta luqatah kepada pemilik. Kaedah yang digunakan dalam penulisan ini adalah kajian keperpustakaan, temubual bagi mendapatkan data kajian, serta pemerhatian. Soal selidik juga diedarkan kepada responden bagi mengukur tahap kepuasan warga kampus terhadap proses pengendalian harta luqatah. Kajian ini dapat menghasilkan satu piawaian baru yang lebih sistematik dalam menyelesaikan isu pengendalian harta luqatah, selaras dengan ketetapan hukum syarak di IPT.

FORMATION OF LUQATAH PROPERTY MANAGEMENT MODEL FRAMEWORK: AN ANALYSIS OF NEW APPROACH IN DEALING UNCLAIMED PROPERTY IN INSTITUTIONS OF HIGHER LEARNING (IPT)

Abstract

Luqatah is a found property or property that is lost from its owner and found by others. It is also defined as a respectable non-property that is found somewhere that should not be kept and the finder does not know the person entitled to the property. One of the goals of syariah (maqasid syariah) is to protect property, especially property belonging to Muslims and property found cannot be used or destroyed just like that without adhering to the actual method of luqatah management. This study focuses on the role played by the Islamic Center in Institutions of Higher Learning (IPT) in handling luqatah property. The scope of this study involves staff and students at UiTM Kelantan Branch (UiTMCK). Among the constraints faced is the lack of a systematic and consistent property claim mechanism. Moreover, the problem encountered is that there is no mechanism for clear management and disposal methods. Therefore, the goal of this study is to strengthen the management of luqatah property, identify methods to solve the problem of unclaimed luqatah property and how to return the luqatah property to the owner. The methods used in this study are library research, interviews to obtain research data, as well as observations. Questionnaires were also distributed to respondents to measure the level of satisfaction of campus residents on the process of handling luqatah property. This study will produce a new, more systematic standard in resolving the issue of luqatah property management, in line with the provisions of Islamic law in IPT.

Keywords: Luqatah; Muamalat; Wealth Management; Islamic Jurisprudence

PENGENALAN

Secara umum, *luqatah* didefinisikan sebagai barang yang ditemui, di sesuatu tempat yang bukan milik seseorang. Contohnya, seorang Muslim menjumpai sesuatu barang (seperti perhiasan emas dan jam tangan) dan bimbang barang tersebut tersia-sia begitu sahaja lalu dia memungutnya. Kes-kes berkaitan harta *luqatah* sering berlaku dalam masyarakat Islam di Malaysia. Masjid dan surau merupakan tempat yang sering berlakunya kes harta *luqatah*. Sebagai contoh, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) pada tahun 2021 memaklumkan di dalam laman sesawangnya terdapat sebanyak 50 buah barangan *luqatah* (MAIK, 2021).

Terdapat pelbagai isu hukum dan penyelesaian fiqh berkaitan dengan harta *luqatah* ini telah diperbincangkan. Di Malaysia, pengurusan harta *luqatah* terletak di bawah majlis agama Islam negeri-negeri. Menurut Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), sekiranya mana-mana umat Islam menjumpai harta *luqatah* maka bolehlah diserahkan kepada Baitulmal. Kenyataan ini selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 81 (2) (Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor, 2003). Namun begitu, ramai masyarakat Islam tidak mengetahui tentang hal tersebut menyebabkan ada di antara mereka tidak tahu apa tindakan yang perlu dibuat apabila menemui dan memungut sesuatu barang *luqatah*. Kes-kes berkaitan ini juga timbul persoalan apakah kewajipan yang perlu dilaksanakan oleh pihak penemu barang *luqatah*.

Kes-kes berkaitan harta *luqatah* bukan hanya berlaku di tempat awam, tetapi juga sering berlaku di kawasan pelajar seperti di asrama, surau, bilik kuliah dan persekitaran universiti. Namun setakat ini belum ada sistem pengurusan harta *luqatah* di universiti-universiti Malaysia. Oleh itu, perlu ada langkah awal untuk mengkaji keperluan pengurusan *luqatah* di IPT. Beberapa persoalan perlu diselesaikan, antaranya: (i) Adakah pihak berwajib seperti majlis agama Islam membenarkan IPT menubuhkan unit pengurusan *luqatah*? (ii) Bolehkah pusat Islam atau masjid IPT dilantik sebagai pengurus *luqatah*? (iii) Bagaimanakah pengurusan *luqatah* dilaksanakan di IPT? Berdasarkan senario di atas, maka sewajarnya dikemukakan idea dan kajian bagi merealisasikan perkara tersebut.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi merupakan sesuatu yang penting dalam pengkajian ilmu supaya kerja itu bermutu. Penggunaan metod yang sesuai dengan tajuk kajian adalah amat penting bagi menghasilkan satu kajian yang sempurna dan baik. Kajian ini merupakan kajian tinjauan bagi melihat pengurusan luqatah di IPT. Untuk mendapatkan data dalam kajian ini, penulis menggunakan beberapa metod iaitu kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Kajian perpustakaan dilakukan untuk mendapatkan bahan-bahan dan buku-buku yang berkaitan dengan tajuk kajian. Manakala data bagi kajian lapangan pula diperolehi melalui soal selidik, temubual dan pemerhatian. Pemerhatian dilakukan di sekitar IPT seperti lokasi yang terpilih bagi kajian ini iaitu di UiTMCK. Tempat-tempat yang dijadikan fokus pemerhatian adalah di pejabat, kolej, pos pengawal dan juga di Pusat Islam. Temubual pula dilakukan untuk mendapat keterangan langsung secara lisan dari responden dengan berbual secara bersemuka. Maklumat diperolehi dari pegawai polis bantuan, pegawai agama, pelajar dan kakitangan UiTMCK yang lain berkaitan dengan pengurusan dan pemahaman tentang harta *luqatah*. Hasil dapatan bagi temubual dan pemerhatian dianalisa menggunakan proses perbandingan situasi.

KONSEP HARTA LUQATAH

Definisi *Luqatah*

Dari sudut bahasa, *luqatah* adalah satu terma yang menggambarkan sesuatu barang yang dipungut oleh seseorang. Barang ini secara dasarnya adalah barangan yang tercicir dan dijumpai oleh seseorang lalu diambil atau dikutip oleh orang tersebut. Namun begitu, *alluqt* dengan disukunkan atau dimatikan *qaf* memberi maksud mengambil sesuatu maka ia dikatakan *laqa'ahu*, *yalqu'uhu*, *waltaqa'ahu*, *yaltaqi'hu*, *iltiqa'ihun*. Seterusnya *al-Multaqi'* ialah orang yang mengambil sesuatu itu. *Luqatah* ada perkara yang perlu diambil berat kerana terdapat satu ayat di dalam al-Quran yang menyebut mengenai hal ini (Ibn Manzir, 1883).

Firman Allah SWT:

فَالْتَقَطَهُ آلُ فِرْعَوْنَ لِيَكُونَ لَهُمْ عَدُوًّا وَحَزَنًا إِنَّ فِرْعَوْنَ وَهَامَانَ وَجُنُودَهُمَا كَانُوا خَاطِئِينَ

Maksudnya:

“Setelah itu dia dipungut oleh orang-orang Firaun; kesudahannya dia akan menjadi musuh dan menyebabkan dukacita bagi mereka; sesungguhnya Firaun dan Haman serta orang-orangnya adalah golongan yang bersalah.”

(Surah *al-Qaṣaṣ*: ayat 8)

Selain itu, definisi *luqatah* dari sudut istilah pula ialah seperti yang diungkapkan oleh Ibn Qudamah iaitu *luqatah* ialah harta atau barang yang hilang dari pemiliknya dan dijumpai dan dipungut oleh orang lain (Ibn Qudamah, 1997). Ulama Syafi'i pula mendefinisikan *luqatah* sebagai harta atau barang yang dihormati yang tidak diawasi dengan sebaiknya dan pada masa yang sama terdapat orang yang menemuinya itu tidak mengetahui siapakah pemiliknya (Syamsuddin Muhammad *et. al.*, 2003). Selain itu, Fuqaha Syafii mentakrifkan *luqatah* menurut syarak sebagai harta atau barang yang dihormati yang tidak dijaga dan orang yang menemuinya itu tidak mengetahui siapakah pemiliknya (Muhammad Nasri, 2013).

Disini dapat disimpulkan bahawa harta *luqatah*, walaupun ia dilihat seperti barang buangan, namun begitu, nilai harta *luqatah* ini masih lagi perlu dititikberatkan dan amat penting bagi penemu barang *luqatah* untuk mengembalikan semula barang *luqatah* ini. Jika mereka tidak tahu pemilik tersebut, maka amat penting untuk ia diuruskan sebaiknya oleh pihak yang ditanggungjawabkan.

DALIL PENSYARIATAN BERKAITAN HUKUM HARTA LUQATAH

Memungut barang luqatah adalah dibenarkan oleh syarak berdasarkan kepada beberapa dalil daripada al-Sunnah dan al-Quran. Berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Zaid bin Khalid al-Juhani, menurutnya ada seorang lelaki datang mengadap Rasulullah s.a.w dan bertanyakan tentang barang yang ditemui di jalanan. Lalu baginda bersabda: “*Kenalilah ikatan atau bungkusannya. Kemudian umumkan selama setahun. Jika anda tidak kenali pemiliknya, gunakanlah ia dan jadikan nilainya sebagai simpanan anda. Jika pemiliknya datang menuntutnya pada bila-bila masa, hendaklah anda serahkan kepadanya*”. Lelaki itu bertanya lagi “*Bagaimana jika barang temuan tersebut berupa kambing yang sesat? Baginda menjawab: “Ambillah, itu milikmu atau milik saudaramu, atau akan dimakan serigala.”*” Lelaki itu masih bertanya lagi “*Bagaimana jika berupa unta yang tersesat? Baginda menjawab: “Apa urusannya denganmu?! Ia ada tapak kaki dan minumannya sendiri, boleh mencari air sendiri dan memakan pohonan, sehingga tuannya menemuinya”*” (Sunan Ibn Majah No: 2495).

Terdapat juga hadis yang diriwayatkan oleh Ubai bin Ka’ab yang bermaksud: “*Saya menemui satu uncang yang berisi seratus dinar dan saya pergi untuk menemui Rasulullah s.a.w*”. Lalu Baginda bersabda: “*Umumkan tentangnya selama setahun*”. Namun tiada siapa yang mengenalinya kemudian beliau pergi bertemu Baginda lagi. Baginda bersabda: “*Umumkanlah selama setahun, sehingga tuannya datang. Jika tiada yang datang engkau gunakanlah*”. Lalu beliau pun menggunakannya (al-Bukhari No: 2294, HR Muslim No: 1723).

Hukum pengambilan atau pemungutan *luqatah* boleh berubah-ubah berdasarkan kepada kemampuan penemunya. Berdasarkan oleh Mustafa (2005), hukum pengambilan *luqatah* adalah seperti berikut:

- i. Wajib, apabila penemunya yakin bahawa dia mampu menguruskan *luqatah* tersebut. Selain itu, terdapat sangkaan bahawa *luqatah* tersebut akan disia-siakan oleh orang yang tidak bertanggungjawab atau hilang jika tidak diambil.
- ii. Sunat, apabila penemunya percaya bahawa dia mampu menjaga *luqatah* tersebut, tetapi jika tidak diambil tidak dikhuatirkan akan hilang atau rosak.
- iii. Makruh, apabila penemunya ragu-ragu sama ada mampu menjaga barang tersebut atau tidak. Jika tidak diambil tidak dikhuatirkan akan hilang atau rosak.
- iv. Haram, apabila penemunya mengetahui bahawa dirinya akan tamak dan tidak mampu menjaga harta tersebut.

PEMBAHAGIAN JENIS LUQATAH

Berdasarkan dari Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (2009), *luqatah* terdiri dari dua jenis:

- i. *Luqatah* Bukan Haiwan.
 - a) Harta yang cepat rosak seperti makanan. Penemu boleh membuat pilihan sama ada untuk memakannya dan diganti, atau menjualnya dan menyimpan nilai harganya;
 - b) Harta yang cepat rosak tetapi boleh dijaga supaya tidak rosak. Bagi harta jenis ini, wajib bagi penemunya menjaganya, mengelakkannya daripada rosak dengan perbelanjaan sendiri atau menjual sebahagiannya untuk menampung perbelanjaan harta tersebut.
 - c) Harta yang tidak rosak. Wajib bagi penemunya menjaga harta tersebut sepanjang tempoh hebahan.
- ii. *Luqatah* Haiwan.
 - a) Harus bagi penemunya memelihara haiwan yang ditemukan dan mengembalikan kepada pemiliknya apabila dituntut. Beliau boleh meminta dari pemiliknya jumlah perbelanjaan yang digunakan.
 - b) Harus juga bagi penemu untuk menjual dan menyimpan hasil jualan tersebut.


Segala aktiviti manusia di muka bumi ini mempunyai panduan atau hukum mengikut syariat Islam. Perbahasan berkenaan isu ini telah lama dibincangkan oleh *fuqaha* klasik dan terdapat banyak dalam

kitab-kitab warisan *fiqh* dahulu yang merujuk kepada pelbagai pandangan mazhab. Justeru itu, kaedah muamalat ini wajar diketengahkan dan diaplikasikan mengikut kehendak semasa supaya dapat diambil manfaat bagi memudahkan pengurusan kehidupan seharian kita.

Deskripsi Model Pengurusan Harta *Luqatah* di IPT

Kenyataan dari kajian lepas menunjukkan betapa pentingnya pengurusan harta *luqatah* terutamanya di IPT. Oleh yang demikian, satu model pengurusan harta *luqatah* telah dirangka bagi mengatasi isu pengurusan harta *luqatah* di IPT seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1 di bawah.

CADANGAN MODEL PENGURUSAN HARTA LUQATAH DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI



Rajah 1: Model Pengurusan Harta Luqatah di Institusi Pengajian Tinggi

Pelaksanaan pengurusan harta *luqatah* ini adalah gerak kerja kolektif yang memerlukan penglibatan pelbagai pihak termasuk bahagian akademik dan bahagian pentadbiran. Gabungan idea dan tenaga serta kesungguhan pihak pengurusan dan staf serta mahasiswa akan memudahkan lagi proses tersebut. Matlamat utama pembentuk model ini adalah untuk memberi penjelasan mengenai konsep harta *luqatah* menurut perspektif syarak serta menyediakan tatacara dan garis panduan yang jelas mengenai pengurusan harta *luqatah* di IPTA. Selain dari itu, ia juga bertujuan untuk menambahbaik dan meningkatkan tahap kecekapan pengurusan harta *luqatah* supaya lebih efisien dan sistematik serta menyeragamkan bentuk pengurusan harta *luqatah* bagi seluruh IPT. Model ini juga dilihat dapat menjadi sumber rujukan semua staf dan pelajar berhubung kehilangan, penemuan dan hal-lain yang berkaitan harta *luqatah*. Berdasarkan model ini, pengurusan harta *luqatah* ini akan melibatkan beberapa prosedur dan setiap prosedur itu akan diuruskan oleh beberapa pihak:

(a) Majlis Jawatankuasa Pengendali Harta Luqatah (MJP)

Kerangka Model Pengurusan Harta *Luqatah* dinaungi dan ditadbir oleh Jawatankuasa Pengendali Harta *Luqatah* di semua kampus cawangan. Jawatankuasa ini dianggotai oleh Rektor sebagai Penaung, Timbalan Rektor Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI) sebagai Penasihat, serta ahli jawatankuasa lain yang terdiri daripada staf akademik dan pentadbiran. Majlis Jawatankuasa ini adalah entiti yang sangat penting dalam proses membuat keputusan bagi setiap tindakan dalam pengurusan harta *luqatah*. Tugas jawatankuasa adalah mengemukakan pelan cadangan dan pelaksanaan pengurusan harta *luqatah*, mengenalpasti harta temuan dan menerima penyerahan barang temuan. Selain itu, jawatankuasa ini juga akan mengendalikan maklumbalas yang diterima dari semasa ke semasa. Sebarang penambahbaikan terhadap skop dan fungsi pengendali harta *luqatah* di IPT mesti melalui dan mendapat persetujuan jawatankuasa ini.

(b) Penasihat dan Juruaudit Syariah

Pihak jawatankuasa juga akan melantik penasihat dan juruaudit syariah. Lantikan dibuat di kalangan staf akademik yang mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut. Audit syariah adalah proses yang melibatkan tatacara menganalisis, menyemak dan memeriksa operasi dan urus tadbir. Proses ini bertepatan dengan prinsip dan garis panduan syariah. Fungsi penasihat syariah pula adalah untuk mengemukakan garis panduan, memberi nasihat dan pandangan berkaitan konsep pengurusan harta *luqatah* serta menilai setiap gerak kerja samada patuh syariah atau sebaliknya. Manakala juruaudit syariah bertugas untuk membuat pemeriksaan dan pengesahan kira-kira, serta mengumpul dan menilai segala bukti mengenai maklumat yang berhubung rapat dengan entiti ekonomi yang spesifik. Ia bertujuan bagi mengenal pasti dan seterusnya melaporkan tahap pertalian antara maklumat dan kriteria yang ditetapkan.

(c) Garis Panduan Pengurusan Harta Luqatah

Antara kandungan garis panduan yang perlu diambil dalam mengendalikan harta *luqatah* adalah: Pertama sekali penemu hendaklah menyerahkan harta yang dijumpai kepada Majlis Jawatankuasa Pengendali Harta *Luqatah* di IPT. Langkah kedua, penemu perlu mengisi borang serahan harta *luqatah* dan menyerahkan barang tersebut kepada pegawai bertanggungjawab untuk menyimpan. Langkah ketiga, satu surat akaun terima harta *luqatah* akan diberikan kepada penemu sebagai bukti penerimaan. Langkah keempat, pihak MJP akan membuat hebahan dan mengeluarkan notis penemuan harta *luqatah* di sekitar kawasan harta *luqatah* yang ditemui. Notis ini akan dihebahkan dalam tempoh setahun. Langkah terakhir, proses pelupusan harta *luqatah* yang telah tamat tempoh hebahan selama setahun akan melalui proses sama ada sebut harga, lelongan, tender atau dimusnahkan (Muhammad Nasri, 2013).

Proses pelaksanaan dan pengurusan harta *luqatah* di IPT akan dijalankan secara berperingkat-peringkat seperti berikut:

(d) Prosedur 1: Penyerahan dan Penerimaan Harta Luqatah

Kesedaran terhadap penyerahan harta *luqatah* akan lebih meningkat selepas ini kerana warga kampus sudah mengetahui wujudnya satu unit yang bertanggungjawab melaksanakan urusan barang-barang temuan di dalam kawasan kampus. Secara asasnya, mereka tahu dan faham apakah tindakan selanjutnya yang perlu diambil jika terjumpa barang *luqatah*. Penemu juga tidak bertanggungjawab sekiranya berlaku apa-apa perkara kepada harta tersebut selama mana tidak ada kecuaiannya dari pihak tersebut (Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, 2009). Jika penemu tidak yakin akan bersikap amanah dan bimbang akan mengambil barangan tersebut, maka makruh baginya untuk mengambil barang tersebut. Begitu juga jika dia merasakan dirinya tidak akan bersikap amanah dan akan mengambilnya untuk memilikinya dan bukan untuk dikembalikan, haram baginya mengambilnya. Maka untuk penjagaan yang lebih

terjamin selamat sebaiknya diserahkan kepada MJP untuk menyimpan dan menguruskan harta *luqatah* tersebut.

(e) Prosedur 2: Simpanan dan Hebahan

Pihak MJP yang bertugas perlu menyimpan harta *luqatah* yang diserahkan tersebut di tempat yang selamat dengan cara yang boleh menarik perhatian pemiliknya. Adalah tidak perlu mendedahkan kesemua ciri-ciri tersebut. Langkah ini bagi mengelak orang yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan dengan mengaku sebagai pemiliknya dan mengambil barangan yang bukan miliknya. Tempoh hebahan bagi harta yang bernilai dan sangat penting ialah selama setahun sebagaimana yang disebut dalam hadis Rasulullah s.a.w. (Wahbah, 1999). Bagi harta yang tidak begitu bernilai, tempoh setahun adalah tidak perlu. Bahkan memadai untuk satu tempoh yang dianggap pada kebiasaannya telah sampai hebahan tersebut kepada pemilik asalnya. Hebahan dalam bentuk notis penemuan harta *luqatah* akan dibuat di setiap kawasan yang berhampiran dengan harta yang ditemui dengan menyatakan lokasi dan jenis barangan tersebut secara umum.

(f) Prosedur 3: Tuntutan atau Pemulangan

Selepas melalui proses hebahan, apabila seseorang datang dan menuntut barangan yang ditemui sebagai miliknya, pihak MJP perlu menjalankan sesi siasatan dan soal selidik tentang ciri-ciri barang berkenaan (Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, 2009). Setelah memastikan kehilangan barang dan pemilik yang betul, proses pemulangan akan dilakukan. Pihak MJP boleh mengenakan bayaran perkhidmatan kepada pemilik harta *luqatah* yang ingin membuat tuntutan. Bayaran ini dikenakan sebagai caj penjagaan dan hebahan yang telah dikeluarkan oleh MJP.

(g) Prosedur 4: Pelupusan dan Wang Hasil

Jika pemilik sebenar tidak datang menuntut harta tersebut, maka harta itu akan melalui prosedur seterusnya iaitu membuat lelongan. Lelongan boleh dilakukan sama ada secara tertutup atau terbuka. Penilaian semula perlu dibuat ke atas barangan *luqatah* yang akan dilelong bagi memastikan nilai sebenar dan terkini barang tersebut. Prosedur terakhir adalah Prosedur Pengurusan Wang Hasil Harta *Luqatah*. Wang hasil daripada lelongan harta *luqatah* akan dimasukkan ke dalam tabung khas atau diserahkan kepada pihak Baitulmal. Hasil yang terkumpul di dalam tabung tersebut seterusnya akan digunapakai bagi membangunkan sosio-ekonomi untuk kemaslahatan ummah (Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, 2009).

KESIMPULAN

Kerangka Model Pengurusan Harta *Luqatah* yang dibincangkan di atas merupakan cadangan penulis yang boleh digunakan oleh pihak pengurusan UiTMCK bagi memastikan harta *laqatah* diuruskan dengan berkesan. Namun begitu, model ini juga sesuai digunakan di IPT lain di Malaysia. Kerjasama erat di antara pihak pengurusan dengan warga kampus serta mahasiswa amat membantu dalam memudahkan pelaksanaan pengurusan harta *luqatah* yang patuh syariah di IPT. Kajian berkaitan harta *luqatah* amat jarang diperbincangkan oleh para pengkaji mahupun masyarakat umum, walaupun perkara ini sering berlaku di sekeliling kita. Justeru, pendedahan kepada perkara-perkara asas yang perlu diketahui semua pihak dapat membantu dalam menunaikan tanggungjawab kita sebagai Muslim. Di samping itu, dengan adanya model ini, sistem pengurusan harta *luqatah* dapat diselaraskan dengan lebih baik. Paling penting, mereka yang terlibat akan mengetahui apakah prosedur yang perlu dibuat jika mereka terjumpa barang *luqatah* di sekitar kampus. Sehubungan itu, adalah menjadi kewajipan pihak IPT untuk menggalak, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan warga kampus selaras dengan hukum syarak. Tugas-tugas tersebut amat berat dan memerlukan penelitian dan cara kerja yang sistematik dan efektif serta sokongan sepenuhnya dari pihak pengurusan. Justeru itu,

IPT diharapkan agar lebih aktif dalam mengendalikan hal ehwal harta *luqatah* dalam mencapai matlamatnya sebagai pemegang amanah.

PENGHARGAAN

Penulis merupakan ahli *Special Interest Group (S.I.G) Muamalat Governance* ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada UiTMCK atas sokongan dan dorongan untuk menerbitkan artikel ini.

RUJUKAN

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Kelantan. (2021). *Maklumat Ringkas Harta Luqathah*. <https://www.e-maik.my/v2/index.php/ms/harta-luqatah>.

Ibn Manzir. (1883). *Lisān al- 'Arab*. Bullag Misr al-Matb'ah al-Kubra al-'Amiriyah, Kaherah.

Ibn Qudamah. (1997). *al-Mughni*. Dar al- 'Alim al-Kutub, Saudi Arabia.

Syamsuddin Muhammad bin Abu al-Abbas Ahmad bin Hamzah bin Syihabuddin al-Ramli al-Manufi al-Mishri al-Anshari. (2003). *Nihayah al-Mu'taj ila Syari al-Minhaj*. Dar al-Kutub 'Alamiyyah, Beirut.

Mustafa Khin, Mustafa Bugha & Ali Syarbaji. (2005). *Kitab al-Fiqh al-Manhaji*. Jil.7, Kuala Lumpur: Prospecta Printers Sdn.Bhd.

Muhammad Nasri Md. Hussain (2013). *Mengurus Harta Menurut Fiqh Muamalat*. Kedah: Universiti Utara Malaysia (UUM Press)

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji. (2009). *Manual Pengurusan Harta Luqathah*. Putrajaya: JAWHAR.

Wahbah al-Zuhaili (1999). *Fiqh & Perundangan Islam Wahbah al-Zuhaili*. (Penterjemah Ahmad Shahbari Salamon *et.al.*). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor. (2003). Seksyen 18 (2). http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/State_Enact_Upd.nsf/f831ccddd195843f48256fc600141e84/196eb3ccfda72ec84825759a0005b9b6?OpenDocument.